

**NO SOALAN :47**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO'  
MOHD YAZID  
(KUALA KANGSAR)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 25.07.2017**

**Y.B. DATIN MASTURA BINTI TAN SRI DATO' MOHD YAZID [ KUALA KANGSAR ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme cara kutipan cukai pelancongan yang akan diguna pakai bagi memberi faedah yang maksima kepada negeri-negeri yang dipromosikan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

1) Cukai Pelancongan akan dikutip oleh semua premis penginapan yang berdaftar yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Seksyen 10 Akta Cukai Pelancongan 2017 menetapkan tiap-tiap premis

penginapan hendaklah berdaftar di bawah Akta ini dalam tempoh 30 hari dari tarikh kuatkuasa Akta Cukai Pelancongan 2017. Hasil kutipan cukai ini akan disalurkan kepada Jabatan Kastam Diraja Malaysia dalam tempoh bercukai yang telah ditetapkan selaras dengan seksyen 7 dan seksyen 18 Akta Pelancongan 2017. Kutipan hasil seterusnya akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

2) Pelaksanaan cukai pelancongan ini adalah bertujuan untuk menjana hasil termasuklah bagi membiayai aktiviti meningkatkan pembangunan infrastruktur pelancongan serta perkhidmatan yang dapat dimanfaatkan oleh pelancong serta rakyat keseluruhannya. Hasil cukai ini juga dapat membantu Kerajaan dalam mempergiatkan lagi aktiviti promosi dan kempen pelancongan secara lebih berkesan untuk menarik lebih ramai pelancong ke Malaysia yang berpotensi besar dalam sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi.